



Ruj. Kami : M.D.KERIAN P 20/02 JLD 2 (52) – B 49
Tarikh : 05 Januari 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR/PEMBEKAL MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, sekiranya pihak kontraktor/pembekal berminat untuk melaksanakan kerja-kerja di Majlis Daerah Kerian bagi tahun 2026, pihak kontraktor/pembekal adalah dikehendaki untuk mendaftar sebagai kontraktor/pembekal dengan Majlis Daerah Kerian. Sehubungan dengan keputusan Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Kerian Bilangan 7 Tahun 2025, Sesi 2024/2026 telah meluluskan bahawa caj pendaftaran dan pembaharuan kontraktor/pembekal tahun 2026 dan tahun seterusnya adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Selaras dengan ketetapan yang telah diputuskan, semua pendaftaran Kontraktor/Pembekal bagi Tahun 2025/2026 adalah **terbatal** dengan serta-merta. Oleh yang demikian, pihak kontraktor/pembekal hendaklah membuat **pendaftaran baharu bagi Tahun 2026**.

i. **Caj pendaftaran baharu bagi kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kerian ditetapkan sebanyak RM150.00.**

ii. **Caj Pembaharuan Tahunan RM50.00**


3. Caj pendaftaran baharu dikenakan sekali sahaja kepada pihak kontraktor/pembekal. Walau bagaimanapun, sekiranya kontraktor/pembekal tidak membuat pembaharuan secara tahunan, pendaftaran tersebut dikira tamat/batal. Jika pihak kontraktor/pembekal ingin berdaftar semula, caj yang dikenakan adalah mengikut kadar asal iaitu RM150.00.

4. Pendaftaran kontraktor/pembekal 2026 hanya akan dibuat melalui **Google Form** mulai **5 Januari 2026**. seperti di pautan <https://forms.gle/urqxgtTKusDK8Q286> atau imbas QR Kod di bawah.




..12-

“PERAK SEJAHTERA 2030”



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 02813



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO. : ABMS 00357



Ruj. Kami : M.D.KERIAN P 20/02 JLD 2 (52) – B 49

5. Setelah pendaftaran dilakukan, sila hadir ke **kaunter Jabatan Kejuruteraan Tingkat Satu, Majlis Daerah Kerian** bagi tujuan proses pengeluaran bil bayaran dan pengeluaran sijil pendaftaran kontraktor/pembekal dan bawa bersama dokumen-dokumen sepertimana berikut bagi tujuan pendaftaran.

- i. 1 Keping Gambar Berukuran Pasport
- ii. Salinan Sijil Pematuhan Cukai TCC
- iii. Salinan Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera Pusat Khidmat Kontraktor
- iv. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- v. Salinan Sijil CIDB (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Dan Perakuan Pendaftaran)
- vi. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor Daripada Kementerian Kewangan Malaysia.
- vii. Penyata Kewangan Akaun Semasa
- viii. Sijil Kontraktor Elektrik
- ix. Salinan No Pendaftaran bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

** Mengikut mana-mana yang berkenaan*

6. Sehubungan dengan itu kerjasama dan perhatian tuan/puan amatlah diharapkan bagi melancarkan proses pendaftaran kontraktor/pembekal 2026 ini.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KERIAN PINTAR, LESTARI DAN SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. MOHD AKHMAR BIN MOHD MOKHTAR)
Pegawai Tadbir (Kejuruteraan)
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
MA/ins/2026 NOTIS DAFTAR KONTRAKTOR

Ruj. Kami : M.D.KERIAN P 20/02 JLD 2 (52) – B 49

SENARAI EDARAN

1. Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia
Negeri Perak Daerah Kerian
No 52, Tingkat Atas, Jalan Raja Syed Thaupy 2
Pusat Bandar Baru Bagan Serai
34300 BAGAN SERAI.
2. Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas 'F' Malaysia
Cawangan Daerah Kerian
No. 30 Lintang Jati 1
Taman Serai Jati
34300 BAGAN SERAI

Carta Alir Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Kerian 2026

